

NILAI TANGGUNGJAWAB BENTUK PENGGUNA TEKNOLOGI BERETIKA MASA HADAPAN

SITI HAJAR MD JANI

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH


AFIZAN AMER

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

Negara kita hari ini mengalami satu tranformasi ledakan kecanggihan teknologi komunikasi melalui ledakan teknologi maklumat global hari ini. Dalam memacu kemajuan teknologi maklumat ini seharusnya masyarakat juga harus bersedia membentuk dan melahirkan generasi yang lebih bertanggung jawab dan berfikiran kritikal dalam melontarkan pandangan atau berkongsi maklumat terhadap sesuatu isu seperti di media sosial.

Dalam zaman globalisasi ini, 'hyperconnectivity' atau kesalinghubungan digital 24 jam sehari, 7 hari seminggu atau 24/7 ini memberi implikasi besar dan mengubah cara komunikasi sesama individu di setiap peringkat termasuk parti politik, kerajaan dan seterusnya masyarakat.



Menguasai kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat serta kebijaksanaan berfikir bagi memahami dan menganalisis maklumat yang terhidang menerusi sosial media amat penting bagi mengelakkan kita berkongsi maklumat yang tidak sahih dan seterusnya mewujudkan satu situasi panik atau kemarahan masyarakat. Kini kemahiran di atas bukan sahaja satu keperluan malahan perlu di tambah

lagi dengan rasa tanggungjawab dalam berkongsi sesuatu perkara di media sosial.

'Hyperconnectivity' adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Senario ledakan kemajuan teknologi maklumat hari ini yang menuntut keperluan 'hyperconnectivity' adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Hidup di sebuah negara di dunia yang kini dihubungkan dengan jalur lebar berkelajuan tinggi, setiap lapisan masyarakat kini terdedah dengan pelbagai pendedahan dan pencerobohan di media sosial dan faktor yang paling di berikan penekanan penting ialah masyarakat harus lebih berhati-hati dan bertanggungjawab kerana 'hyperconnectivity' ini amat bagus jika masyarakat berjaya memanfaatkannya kearah kebaikan dan bukan di salah gunakan.

Tetapi apa yang kita lihat hari ini adalah sebaliknya. Adalah menjadi sesuatu yang malang sekiranya keghairahan pengguna Internet di kalangan masyarakat di negara ini berkongsi apa jua maklumat yang diperoleh dengan pantas tanpa menyemak kesahihan maklumat tersebut hari ini telah mewujudkan generasi yang kurang berfikir. Kita perlu menekankan konsep "5S" media sosial iaitu "Saya Semak Sebelum Saya Share" dalam berkongsi maklumat di media sosial.

Perkongsian maklumat yang tidak benar di media sosial boleh menjatuhkan imej sesuatu organisasi mahupun individu seperti yang berlaku baru-baru ini ke atas Kementerian Belia dan Sukan yang di viralkan tidak member layanan yang setimpal kepada kejayaan atlet paralimpik negara di Rio sedangkan temasya sukan tersebut masih belum berlansung. Sekiranya yang berkongsi

maklumat tersebut berfikir panjang sebelum maklumat itu disebarkan sudah pasti golongan ini menyedari yang temasya itu masih belum berlansung. Apa yang lebih membimbangkan adalah ramai di kalangan yang menyebarkan maklumat seperti ini datangnya dari mereka yang berpendidikan tinggi dan mahir menggunakan teknologi maklumat.



Apa yang kita lihat hari ini fenomena 'hyperconnectivity' telah mengakibatkan masyarakat di media sosial kesuntukan masa untuk menyaring dan tidak menjadikan amalan berfikir dahulu sebelum kongsi menjadi 'tabiat' pengguna Internet termasuk di luar negara.

Ini mengakibatkan mereka ghairah berkongsi maklumat yang tidak sahih serta gambar yang tidak sepatutnya sehingga ia menjadi 'viral' lantas menimbulkan kecelaruan dan kekeliruan di kalangan khalayak ramai khususnya yang melibatkan sesuatu isu panas.

Kepentingan aspek kawalan sendiri dan kemahiran menganalisa maklumat

Dalam menangani hal ini, sikap bertanggung jawab di kalangan masyarakat media sosial harus dipertingkatkan. Aspek kawalan sendiri dan kemahiran menganalisa maklumat sangat penting di zaman ledakan teknologi maklumat ini, khususnya di kalangan generasi muda, yang terlalu bergantung kepada kepada teknologi maklumat.

Sikap bertanggung jawab ini harus ditekankan kerana pada masa ini, Malaysia mempunyai seramai 35.7 juta pemilik telefon pintar. Jika disorot Laporan Ekonomi 2013/3014 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, rakyat Malaysia semakin banyak menghabiskan masa melayari Internet berbanding media lain seperti televisyen, radio dan surat khabar dengan kadar penggunaan

internet yang meluas untuk rangkaian media sosial.

Meraikan kepintaran dan ledakan kemajuan teknologi yang boleh mengupayakan pengguna dalam mendapatkan akses terus sesuatu maklumat secara optimum, bukanlah lesen untuk seseorang individu melakukan penyalahgunaan. Masyarakat hari ini harus memastikan maklumat yang diterima datang daripada sumber sahih. Maklumat atau berita berbentuk fitnah dan tidak sahih sudah tentu ia akan mengkuar-kacirkan masyarakat.

ulti Pengurusan Perniagaan